

# Irfan Faruqi Juara pidato



Irfan Faruqi bersama cek replika yang diterima.

**PERTANDINGAN PIDATO  
25 TAHUN JUBLI PERAK  
PPZ-MAIWP**

**JOHAN  
RM2,000.00**

**PPZ**

**Sungai Besi:** Persiapan empat hari sebelum menyertai pertandingan berjaya membawa tuah kepada pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Irfan Faruqi Mohamad Fairus apabila menjuarai Pertandingan Pidato Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ - MAIWP), di sini, baru-baru ini.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang itu berusaha meneroka maklumat mengenai zakat menerusi laman web PPZ-MAIWP,

selain berkongsi info bersama-sama rakan dan ahli keluarga.

"Segala maklumat yang dipaparkan dalam laman web berkenaan banyak membantu saya memantapkan hujah pidato dengan mengemukakan fakta tepat dan jelas.

"Alhamdulillah, rezeki berpihak kepada saya biarpun berdepan dengan saingan tujuh pemidato lain yang tidak kurang hebatnya," katanya.

Kejayaan Irfan Faruqi melayakkannya menerima hadiah wang tunai RM2,000, trofi dan sijil penyertaan.

### **Pemikir karisma**

Selain Irfan Faruqi, pertandingan turut disertai pemi-



### **Abdul Hakim Amir Osman**

dato dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Institut Professional Baitulmal (IPB), Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), Universiti Malaya (UM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti

Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Abdul Hakim Amir Osman, berkata pertandingan itu julung kali diadakan bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-25 PPZ-MAIWP.

"Bertema zakat, pertandingan bertujuan melahirkan dan mendidik pemikir yang berkarisma serta berilmu dalam kalangan pelajar universiti.

"Sambutan diterima cukup menggalakkan dan kami berhasrat menjadikannya sebagai acara tahunan PPZ-MAIWP," katanya.

